



ILMU | KESIHATAN | IMAN | SANTAI | KEGIATAN

Muka Depan » Program ilmu anjuran Jamiyah untuk seisi keluarga

Awal Ramadan

Program ilmu anjuran Jamiyah untuk seisi keluarga



New

Show

0

0

5 Jun 2016

SEPANJANG Ramadan ini, Pusat Pendidikan Jamiyah menganjurkan pelbagai program ilmiah yang bertemakan Ramadan D'Hati, secara percuma kepada masyarakat Islam Singapura.


Ini bertujuan memudahkan masyarakat Melayu/Islam menyertai program ini bersama ahli keluarga yang lain.

Program ini memberi kesempatan kepada para pelajar yang sedang bercuti sekolah semasa Ramadan ini untuk mengikuti program yang memberi faedah dalam pendidikan agama Islam khususnya.

Program ini mempunyai objektif memberi kesedaran kepada masyarakat akan kepentingan menghidupkan Ramadan dengan mengerjakan amal ibadah dan melakukan kebajikan.

Ia juga bertujuan memupuk jalinan yang baik antara ahli keluarga semasa Ramadan dengan mengikuti aktiviti ibadah dan kebajikan bersama-sama.

Jika anda ada pertanyaan atau ingin menyertai program ini, anda boleh hubungi pejabat Jamiyah di talian 6478-0475 atau hantar e-mel kepada jec@jamiyah.org.sg.



PROGRAM RAMADAN D'HATI

1. Fiqh Ramadan

Program memberi penerangan tentang hukum yang berkaitan dengan puasa dan zakat yang sering dipersoalkan sepanjang Ramadan.

2. Program Asas Agama Kanak-Kanak Intensif

Program sepanjang lima hari ini memberi penekanan kepada asas fardu 'ain dan hafalan surah-surah pilihan.

3. Program Kebajikan di Rumah Orang Tua (Darul Takrim)

Program kebajikan yang boleh disertai secara berkeluarga, dengan melakukan aktiviti bersama penghuni Darul Takrim.

4. Sesi Percubaan Mempelajari Al-Quran Dalam Masa 48 Jam

Sesi ini diberikan sebagai percubaan bagi yang ingin menyertai program ini secara penuh.

5. Sesi Bahasa Arab Komunikasi Intensif

Program yang memberi pendedahan kepada asas komunikasi dalam Bahasa Arab secara Intensif.

6. Bengkel Surah Al-Fatihah Qiraat 10

Program yang memperkenalkan pembacaan surah Al-Fatihah di dalam Qiraat (bacaan) yang berbeza.

7. Bengkel Tarannum Intensif

Program yang memberi pendedahan kepada asas tarannum, mengetahui dan memahami teknik-teknik di dalam mengawal suara dan lagu.

8. Bicara Ramadan bersama Ustazah Norhafizah Musa

Program mingguan khusus untuk wanita, memberi penerangan mengenai isu-isu wanita sepanjang Ramadan.

9. Iftar & Qiyamullail

Program khusus untuk pelajar dan waris Pusat Pendidikan Jamiyah, sesi yang sudah semestinya memberi manfaat yang banyak dengan adanya khatam al-Quran dan tazkirah yang disampaikan oleh asatizah-asatizah Jamiyah.

10. Program Whatssap bersama pelajar dan waris Pusat Pendidikan Jamiyah

Program khas buat pelajar dan waris Pusat Pendidikan Jamiyah untuk menggalakkan bacaan al-Quran serta memperbaiki bacaan mereka setiap hari.

<http://specials.beritaharian.sg/sgbagus/kegiatan/program-ilmu-anjuran-jamiyah-untuk-seisi-keluarga>